

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)49

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

49. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan adakah Kerajaan Negeri mewajibkan secara praktikal semua masjid-masjid menggunakan teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh Jabatan Mufti Pulau Pinang setiap kali solat Jumaat?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

49. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada dasarnya mengamalkan dasar keterbukaan dan tidak mewajibkan masjid untuk menggunakan teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh Jabatan Mufti. Walau bagaimanapun, pihak masjid amat digalakkan untuk menggunakan teks yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Mufti. Pihak khatib hendaklah mematuhi Garis Panduan Penyampaian Khutbah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2010.